

DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA BIODATA ANUGERAH PUISI ANEKDOT BUKU GAGASAN DAN TEORI MEMOIR HUBUNGKAMI


June 2, 2014

Dekad Pertama UKM Melengkапkan Diri Di Bangi

-->

BBB, 03 Sya'ban 1435 = 01 Jun 2014 (Ahad):

UKM melengkapkan dekad pertamanya dengan perpindahannya ke Bangi. Dengan perpindahan tidak bererti semuanya sudah lengkap di Bangi. Tidak semua Fakulti berpindah ke Bangi pada akhir 1977. Tatkala Fakulti Sastera (Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan) berpindah, Fakulti yang paling ramai dengan pelajar, beberapa Fakulti masih lagi belum berpindah, iaitu Fakulti Sains masih berada di Jalan Pantai dan Fakulti Islam dan sebahagian dari Fakulti Sains masih di Seksyen 17 Petaling Jaya. Ini ialah kerana bangunan-bangunan bagi fakulti-fakulti berkenaan masih belum siap. Sebahagian dari Fakulti Sains sedang dalam pembangunan, manakala Fakulti Islam masih belum dibangunkan. Adapun Fakulti Perubatan mempunyai kampus tersendiri bersebelahan dengan Hospital Besar Kuala Lumpur dan Cheras. Sebuah lagi Cawangan UKM ialah di Sabah yang kemudian diangkat taraf menjadi Universiti Malaysia Sabah (UMS).




Perpindahan penting ialah bahagian pentadbiran dan perpustakaan. Pentadbiran adalah lengkap dan sempurna perpindahan sejak awal lagi. Adapun perpustakaan semestinya berpindah dengan berpindahnya mana-mana fakulti. Ini ialah kerana perpustakaan adalah bahagian penting yang menyediakan bahan rujukan dan penyelidikan baik bagi pelajar, maupun tenaga pengajar. Sebenarnya pada permulaan perpindahan ke Kampus Bangi, bangunan perpustakaan masih dalam pembinaan, tetapi ianya perlu berpindah dengan fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan ke Bangi. Pada peringkat permulaan perpustakaan mengambil tempat sementara di aras 3 dan 5 bangunan Pentadbiran UKM Bangi sementara perpustakaan sebenarnya siap. Sebahagian dari perpustakaan ialah di Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu yang mempunyai perpustakaannya sendiri dan berpindah sejak perpindahan dilakukan. Sebagaimana disebutkan pada peringkat permulaan perpindahan masjid belum didirikan. Pada peringkat permulaan perpindahan solat Jumaat didirikan di pekarangan bangunan pentadbiran, kemudian dipindahkan ke ruang legar FSKK dan apabila perpustakaan siap, maka solat Jumaat di dirikan di bahagian bawah bangunan sementara perpustakaan siapnya Masjid UKM.

Selain dari dewan-dewan kuliah dan tutorial dan pejabat-pejabat bagi setiap jabatan dan bilik-bilik pensyarah yang dapat dikatakan lengkap diperlukan kepada dewan besar. Dewan ini siap dengan siapnya fasa pertama pembangunan Kampus Bangi, UKM. Bangunan ini tersergam indah dapat dilihat dari jalan di tepi kampus dan berada di bahagian permulaan masuk sebelah kiri. Dewan ini diperlukan bagi mengadakan peperiksaan yang melibatkan ramai pelajar, begitu juga diperlukan bagi majlis konvolesyen dan majlis-


ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

1 7 3 1 8 0
5

PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR




~PERSURATAN SUFI~



~MEREALISASIKAN BANGI BANDAR ILMU~

majlis yang melibatkan ramai peserta. Dewan mulai digunakan pada bulan Oktober 1979 dan dirasmikan penggunaannya dengan nama Dewan Canselor Tun Abdul Razak. Kata Penulis:




Dewan Canselor Tun Abdul Razak: Satu Penyaksian


Di hari ini
Di dewan sepermai ini
Kami saksikan sebuah sejarah
Terakam indah
Universiti Kebangsaan Malaysia
Engkau adalah aspirasi
Hasrat pribumi
Sebuah cita yang selamanya di bintang
Hari ini makin rapat di pangkuhan
Sebuah perjuangan
Dikeramatkan.

Kami yang berhimpun di sini
Di Dewan Besar ini
Merakam kenangan
Bahawa tatkala gemuruh kemahuan
Maukan sebuah dasar dipastikan
Ada wira menyahutnya
Membimbing
Tun Razak Allhyarham
Putera nusa tercinta
Pahang yang lumrah pahlawan
Menganugerahi
Pemimpin bangsa
Tatkala Negara gelora kemerdekaan
Ianya berganding dalam perjuangan
Bila Negara mencapai kemerdekaan
Ialah tapak pembangunan
Siapakah berani menidakkannya
Jasanya dalam pelajaran ?
Memimpin Negara
Dengan jiwa waja
Ia menghadapi cabaran
Melaksanakan sepenuhnya
Dasar pelajaran.


Tatkala negera mencari identiti
Dengan dasar pelajarannya sendiri
Ialah perangka mengetuai
Sebuah dasar dikenali
``Penyata Razak''
Betapa azamnya
Di dalam Negara yang baru mencapai kemerdekaan
Bagi pelajaran ialah menterinya
Melaksanakan apa yang dirangkakan



~TEORI TAKMILAH~



~PUNCAK RINDU~
Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie
Abu Bakar



~GAGASAN BANGI~
Himpunan penyertaan Pertandingan
Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar
Ilmu 2012

Tatakala ia diberi kepercayaan
 Memimpin Negara
 Dengan jiwa waja
 Ia menghadapi cabaran
 Melaksanakan sepenuhnya
 Dasar pelajaran.
 Di dalam gemuruh suara rakyat
 Maukan institusi pengajian tinggi
 Berasaskan aspirasi pribumi
 Ialah tokoh sakti merestui
 Pembimbing harapan
 Penyusun kembali ketidakadilan.

Tun Razak
 Jika engkau menyemai benih
 Dasar pelajaran
 Hari ini tatkala rumpun yang subur
 Mulai runduk dengan buahnya yang ranum
 Kami mengingatimu
 Jasamu tak ternilai
 Kampus yang kami huni
 Indah permai ini
 Engkaulah menerokai
 Dan merestui.

Hari ini
 Kami dengan penuh kesyukuran
 Menghargaimu
 Merasmikan dewan permai ini
 Dengan namamu
 "Dewan Canselor Tun Abdul Razak"
 Dengan harapan namamu yang harum
 Bercantum dengan aspirasi universiti
 Sebagai satu identiti
 Abadi.

Dewan ini
 Adalah titiktanda kampus kami
 Ialah perakam detik peristiwa
 Berlaku di sini
 Dari gerak siswa
 Ke persidangan bijak pandai
 Di sini para seniman muncurah ilham
 Olahragawan menerima pengiktirafan
 Semoga
 Tun dalam inspirasi
 Di dewan ini
 Bersama kami terus menyaksikan
 Perkembangan universiti.


Jabatan Persuratan Melayu
 Oktober 1979.
 (Madu Ilmu, 1999: 77-79).

Sekian.


ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at [7:11 AM](#)

No comments:


Post a Comment



~BANGI BANDAR ILMU~



~MADU ILMU~



~WAJAH DIRI~

